

Lampiran 3 ini menetapkan terma dan syarat, sekiranya dipilih, yang akan digunakan sebagai terma tambahan dan akan membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i. Melainkan dinyatakan di bawah, definisi semua terma yang berhuruf besar adalah seperti dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i.

### **PEMBIAYAAN PERIBADI-i**

(*Program Pilihan Komuniti Korporat – Potongan Gaji “CCSP – SD”*)

(*Pengurusan Perbankan Pekerja – Potongan Gaji “EBS – SD”*)

(*Pengurusan Perbankan Pekerja – Arahan Tetap “EBS – SI”*)

#### **Syarat Tambahan CCSP – SD / EBS – SD / EBS – SI**

##### **ANSURAN PENDAHULUAN**

1. Pelanggan hendaklah membayar jumlah ansuran bulanan pendahuluan seperti yang dinyatakan dalam Borang Potongan Pembiayaan Peribadi-i kepada Bank terlebih dahulu sebelum membuat pengeluaran Kemudahan tersebut. Ansuran pendahuluan dikekalkan sebagai ansuran pendahuluan Kemudahan sepanjang tempoh Kemudahan tersebut. Bank berhak menggunakan mana-mana bahagian ansuran pendahuluan tersebut untuk menyelesaikan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan tanpa memberikan notis kepada Pelanggan terlebih dahulu dan Pelanggan hendaklah menambah semula sebarang jumlah ansuran yang digunakan oleh Bank apabila diminta oleh Bank. Ansuran pendahuluan yang dibayar kepada Bank bukanlah deposit yang diserahkan kepada Bank mahu pun membentuk tuntutan hutang yang terhutang oleh Bank. Tiada sebarang niat untuk mewujudkan faedah jaminan terhadap ansuran pendahuluan.

##### **HIBAH BERSYARAT**

2. Pelanggan akan menikmati kadar pembiayaan istimewa yang lebih rendah berbanding kadar niaga yang diguna pakai semasa kelulusan Kemudahan tersebut. Walaupun kadar niaga digunakan untuk menentukan harga jualan Komoditi kepada Pelanggan, Bank akan member Hibah bersyarat kepada Pelanggan pada jumlah sedemikian untuk memastikan bahawa Pelanggan hanya membayar ansuran bulanan yang dikira berdasarkan kadar pembiayaan istimewa.
3. Pelanggan tidak akan lagi menikmati kadar pembiayaan istimewa sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:-
  - a. berkaitan dengan program CCSP–SD dan EBS–SD
    - i. Pelanggan meninggalkan atau meletak jawatan daripada organisasi yang menyertai program ini;
    - ii. organisasi yang mengambil bahagian membatakan urusan potongan gaji bulanan;
    - iii. organisasi yang mengambil bahagian gagal menghantar gaji yang dipotong kepada Bank tepat pada masanya;
  - b. berkaitan dengan program EBS-SI, Pelanggan yang membatakan aturan arahan tetap berhubung dengan pembayaran balik bulanan
4. Sekiranya berlaku mana-mana perkara di atas, Bank akan menghentikan pemberian Hibah bersyarat dan berhak untuk menyemak semula ansuran bulanan menggunakan kadar niaga yang lazim diguna pakai pada masa permohonan.

##### **PELETAKAN JAWATAN ATAU PEMBERHENTIAN**

5. Sekiranya Pelanggan meletakkan jawatan atau diberhentikan daripada pekerjaan oleh organisasi yang mengambil bahagian, akaun simpanan atau semasa Pelanggan dengan Bank (“Akaun Deposit”) hendaklah dikekalkan dan Bank diberi kuasa untuk memotong ansuran bulanan Pelanggan daripada Akaun Deposit tersebut sehingga pembayaran balik penuh dibuat.

## PEMBIAYAAN PERIBADI-i

(untuk Kakitangan Kerajaan ("PF-i Kakitangan Kerajaan"))

### Syarat Tambahan PF-i Kakitangan Kerajaan

#### 1. ANSURAN PENDAHULUAN

Pelanggan hendaklah membayar jumlah ansuran bulanan pendahuluan seperti yang dinyatakan dalam Borang Potongan Pembiayaan Peribadi-i kepada Bank terlebih dahulu sebelum membuat pengeluaran Kemudahan tersebut. Ansuran pendahuluan akan dikekalkan sebagai ansuran pendahuluan Kemudahan sepanjang tempoh Kemudahan tersebut. Bank boleh menggunakan mana-mana bahagian ansuran pendahuluan tersebut untuk menyelesaikan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan tanpa memberikan notis kepada Pelanggan terlebih dahulu dan Pelanggan hendaklah menambah semula sebarang jumlah ansuran yang digunakan oleh Bank apabila diminta oleh Bank. Ansuran pendahuluan yang dibayar kepada Bank bukanlah deposit yang diserahkan kepada Bank mahu pun membentuk obligasi hutang yang terhutang oleh Bank. Tiada sebarang niat untuk mewujudkan faedah jaminan terhadap ansuran pendahuluan.

#### 2. PELETAKAN JAWATAN ATAU PEMBERHENTIAN

Sekiranya Pelanggan bukan lagi kakitangan kerajaan atau aturan potongan gaji tidak lagi terpakai, Pelanggan hendaklah membuka akaun simpanan atau semasa ("Akaun Deposit") dengan Bank dan Bank diberi kuasa untuk memotong ansuran bulanan Pelanggan daripada Akaun Deposit tersebut sehingga pembayaran balik penuh dibuat.

## PEMBIAYAAN PERIBADI-i (TERJAMIN)

(Dijamin oleh Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Deposit Bertempoh "PF – TD /CASA")

### Syarat Tambahan PF – TD / CASA

#### DEFINISI

1. "Akaun Deposit" bermaksud akaun deposit dan produk deposit lain yang dikekalkan dengan Bank termasuk semua amaun (sama ada wang pokok atau pendapatan dan sebarang jumlah tambahan dari semasa ke semasa yang didepositkan dengan Bank) yang berada pada kredit akaun tersebut, sama ada secara tambahan atau melalui pembaharuan, lanjutan atau penggantian mana-mana wang yang sebelum ini didepositkan atau dikreditkan ke akaun tersebut atau sebaliknya. Butiran akaun diterangkan di bawah.

#### JAMINAN

2. Sebagai jaminan berterusan bagi pembayaran semua wang yang tertunggak atau perlu dibayar berkaitan Kemudahan dan melepaskan semua tanggungan dan liabiliti Pelanggan berkenaan terhadap Kemudahan, Pelanggan sebagai pemilik dan penerima manfaat tunggal yang sah bagi Akaun Deposit, bersetuju untuk, menyerahkan sepenuhnya, mencagarkan dan meletakkan di bawah lien Akaun Deposit kepada Bank sebagai gadaian tetap pertama.
3. Pelanggan bersetuju bahawa jaminan ini akan berkuat kuasa pada tarikh pembayaran Kemudahan kepada Pelanggan. Jaminan ini akan luput secara automatik dan terhenti berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya jika:-
  - a. permohonan Pelanggan ditarik balik atau ditolak oleh Bank; atau
  - b. Kemudahan dibatalkan sebelum pembayaran.
4. Pelanggan memperakui dan menjamin bahawa hak milik, manfaat, dan faedah berkaitan dengan Akaun Deposit adalah bebas daripada sebarang gadai janji, caj, cagarans, lien atau sebarang bebanan lain.
5. Sehingga semua liabiliti berkaitan dengan Kemudahan telah dilunaskan sepenuhnya tanpa syarat, Pelanggan tidak boleh:-
  - a. menyerahkan, memindahkan, menggadai janji, mengenakan, membenarkan untuk menanggung sebarang bebanan lain, atau jika tidak berurusan dengan Akaun Deposit (termasuk percubaan melakukan mana-mana tindakan di atas) kecuali sekuriti yang dibuat di bawah ini;
  - b. meningkatkan atau menutup Akaun Deposit; dan
  - c. mengeluarkan atau menggunakan apa-apa wang dalam Akaun Deposit termasuk apa-apa pendapatan yang diperoleh atau akan diperolehi dalam Akaun Deposit

melainkan jika Pelanggan telah mendapat kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu, yang mana Bank berhak

menahan atau memberikan dengan atau tanpa sebarang syarat mengikut budi bicaranya.

6. Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta apabila pengeluaran, penerbitan, perkhidmatan atau berlakunya (masa menjadi intipati) apa-apa permohonan, notis permintaan, perintah, cadangan atau transaksi dalam apa-apa cara yang menjelaskan Akaun Deposit/Pelaburan dan mengemukakan perkara yang sama kepada Bank jika diminta untuk berbuat demikian.
7. Pelanggan perlu, apabila diminta dan dengan menggunakan perbelanjaannya sendiri, menyempurnakan sebarang dokumen, menyebabkan keperluan mendeposit sebarang instrumen pensijilan atau bukti hak milik kepada Akaun Deposit dan melaksanakan perkara lain yang mungkin diarahkan oleh Bank dari semasa ke semasa, untuk memberikan kesan, menyempurnakan dan memelihara jaminan yang diwujudkan atau ingin diwujudkan di sini.

#### **PENGUATKUASAAN**

8. Berikutnya kejadian mungkir, dengan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada Pelanggan, Bank berhak memohon, memindahkan atau menolak, semua atau mana-mana bahagian deposit atau baki kredit di bawah Akaun Deposit dalam atau terhadap pembayaran atau kepuasan semua jumlah tertunggak atau perlu dibayar dalam susunan berikut:
  - a. pertama, berhubung pembayaran kos, caj, perbelanjaan, dan yuran yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan jaminan;
  - b. kedua, terhadap pembayaran semua amaun yang perlu dibayar kepada Bank yang berkaitan dengan Kemudahan; dan
  - c. akhirnya, sebagai pembayaran lebihan (jika ada) kepada Pelanggan.
9. Hak atau remedи Bank di sini adalah terkumpul dan merupakan tambahan kepada sebarang hak atau remedи yang diperuntukkan oleh undang-undang dan tidak menjelaskan sebarang jaminan lain yang mungkin dipegang oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank berhak melaksanakan semua atau mana-mana hak atau remedи yang ada termasuk melaksanakannya secara serentak.

#### **PERISTIWA TAMBAHAN KEMUNGKIRAN**

10. Sebarang keadaan seperti yang berikut dikira sebagai kejadian mungkir:-
  - a. menurut pendapat munasabah Bank, kepentingan Bank ke atas Jaminan Akaun Deposit berada dalam keadaan berisiko;
  - b. pengaturan jaminan,
    - i. tidak lagi mempunyai kuasa dan kesan sepenuhnya;
    - ii. dikira sebagai dicabar, ditamatkan atau tidak sah;
    - iii. tidak boleh dikuatkuasakan; atau
  - c. Akaun Deposit dilucuthakkan.

**Syarat Tambahan  
PF-TD/CASA**  
**Butiran Deposit Berjangka/Akaun Semasa / Akaun Simpanan**

Item	Akaun	Butiran
1.		
2.		

PEMBIAYAAN PERIBADI-i (TERJAMIN)  
(Dijamin oleh Emas "PF - GOLD")

Syarat Tambahan  
**PF – GOLD**

**DEFINISI**

1. "Jaminan Deposit" bermaksud emas, jongkong emas, ketul emas, plat emas atau item emas lain seperti yang dipersetujui secara bersama antara Bank dan Pelanggan, didepositkan dan dicagarkan oleh Pelanggan kepada Bank, dengan butiran seperti yang diterangkan di bawah (yang mana merangkumi penggantian Jaminan Deposit dari semasa ke semasa yang didepositkan dan dicagarkan Pelanggan Bank).

**JAMINAN**

2. Sebagai jaminan berterusan untuk pembayaran semua wang yang tertunggak atau perlu dibayar di bawah Kemudahan dan melepaskan semua kewajipan dan liabiliti Pelanggan yang berkaitan dengan Kemudahan, Pelanggan sebagai pemilik tunggal yang sah dan benefisial bagi Jaminan Deposit, bersetuju untuk mendepositkan dan mencagarkan Jaminan Deposit kepada Bank.
3. Pada setiap masa sepanjang tempoh Kemudahan, jumlah tertunggak Kemudahan mestilah tidak melebihi tujuh puluh lima peratus (75%) daripada nilai Jaminan Deposit berdasarkan harga belian emas semasa yang diterbitkan oleh Bank bagi Jaminan Deposit. Jika Jaminan Deposit adalah selain daripada jongkong emas yang dibeli daripada Bank, sebarang batu permata atau item bukan emas lain yang terletak, berserta atau tertanam pada Jaminan Deposit tersebut tidak termasuk dalam penilaian nilai Jaminan Deposit.
4. Sekiranya diminta, pelanggan hendaklah mendepositkan Jaminan Deposit tambahan dengan Bank sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank apabila jumlah tertunggak Kemudahan melebihi tujuh puluh lima peratus (75%) daripada nilai Jaminan Deposit berdasarkan nilai semasa harga belian emas yang diterbitkan oleh Bank bagi Jaminan Deposit. Kegagalan Pelanggan untuk menyediakan jaminan tambahan seperti yang diminta dalam tempoh lima (5) hari perniagaan atau seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa akan memberi hak kepada Bank untuk mengisyiharkan ingkar.
5. Pelanggan bersetuju bahawa jaminan ini akan berkuat kuasa pada tarikh pembayaran Kemudahan kepada Pelanggan. Jaminan ini akan luput secara automatik dan terhenti sepenuhnya jika:-
  - a. permohonan Pelanggan ditarik balik atau ditolak oleh Bank; atau
  - b. Kemudahan dibatalkan sebelum pembayaran.
6. Pelanggan memperakui dan menjamin bahawa
  - a. Jaminan Deposit adalah tulen;
  - b. Jaminan Deposit diperoleh melalui carayang sah di sisi undang-undang; dan
  - c. hak milik, faedah, dan kepentingannya berkenaan dengan Jaminan Deposit adalah bebas daripada sebarang gadai janji, gadaian, sandaran, lien atau sebarang bebanan lain;
7. Pelanggan akur janji untuk memberikan resit pembelian Jaminan Deposit kepada Bank sebagai bukti pemilikan, atas permintaan Bank.
8. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pemilikan Jaminan Deposit hendaklah diserahkan kepada Bank dan Jaminan Deposit hendaklah disimpan oleh Bank di tempat yang dianggap selamat dan wajar oleh Bank. Pampasan yang akan dibuat oleh Bank untuk kerugian ke atas Jaminan Deposit adalah setara dengan Jaminan Deposit tersebut dari segi reka bentuk, jenis dan berat atau jika Bank tidak dapat memberi pampasan kepada Pelanggan dengan Jaminan Deposit yang serupa, maka Bank boleh memberi pampasan kepada Pelanggan dengan nilai yang bersamaan dengan harga pembelian emas semasa yang diterbitkan oleh Bank bagi jaminan Deposit untuk dikira pada masa kerugian atau pada masa kerugian tersebut ditemui oleh Bank (mengikut keperluan). Jaminan Deposit baharu yang diberikan sebagai pampasan oleh Bank akan dianggap sebagai pengganti Jaminan Deposit yang hilang. Pampasan yang dibuat oleh Bank di bawah klausa ini akan dianggap sebagai penyelesaian penuh dan muktamad bagi kerugian tersebut.
9. Sehingga semua liabiliti berkenaan dengan Kemudahan dilunaskan sepenuhnya tanpa syarat, Pelanggan tidak boleh :-
  - a. menyerahkan, memindahkan, menggadai janji, mengenakan, membenarkan untuk menanggung sebarang bebanan lain, atau sebaliknya berurus dengan Jaminan Deposit (termasuk melakukan percubaan sebarang tindakan di atas) kecuali jaminan yang dibuat di bawah ini; dan
  - b. mengeluarkan daripada penyimpanan Jaminan Depositmelainkan jika Pelanggan telah mendapat kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu, yang mana Bank berhak menahan atau memberikan dengan atau tanpa sebarang syarat mengikut budi bicaranya.
10. Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila pengeluaran, penerbitan, perkhidmatan atau

kejadian (semasa menjadi intipati) apa-apa permohonan, notis permintaan, perintah, cadangan atau transaksi dalam apa-apa cara yang menjelaskan Jaminan Deposit dan mengemukakannya kepada Bank jika diminta untuk berbuat sedemikian.

11. Pelanggan hendaklah, apabila diminta dan dengan menggunakan perbelanjaan mereka sendiri, menyempurnakan sebarang dokumen, menyebabkan keperluan mendeposit sebarang sijil-sijil instrumen atau bukti hak milik kepada Akaun Deposit dan melaksanakan perkara lain yang mungkin diarahkan oleh Bank, dari semasa ke semasa, untuk memberi kesan, menyempurnakan dan memelihara jaminan yang diwujudkan atau ingin diwujudkan di dalam ini.

#### **PENGUATKUASAAN**

12. Apabila berlaku kejadian mungkir, Bankberhak, dengan notis sekurang-kurangnya tiga (3) hari kepada Pelanggan, merampas atau mengambil milik Jaminan Deposit dan menggunakan hak penjualannya ke atas Jaminan Deposit atau mana-mana bahagian daripadanya kepada mana-mana orang dengan cara yang munasabah secara komersil. Tanpa menghalang sebarang kaedah jualan lain, penjualan Jaminan Deposit atau mana-mana bahagiannya hendaklah dibuat dengan cara yang munasabah secara komersil jika dijalankan mengikut amalan perniagaan yang munasabah oleh pemutang-pemutang di Malaysia yang melupuskan harta yang serupa.
13. Sebarang hasil daripada penguatkuasaan tersebut hendaklah digunakan mengikut cara berikut:-
  - a. pertama, berhubung pembayaran kos, caj, perbelanjaan, dan yuran yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkusakan jaminan;
  - b. kedua, terhadap pembayaran semua amaun yang perlu dibayar kepada Bank berkaitan dengan Kemudahan; dan
  - c. akhirnya, sebagai pembayaran lebihan (jika ada) kepada Pelanggan.
14. Hak atau remedи Bank di sini adalah terkumpul dan merupakan tambahan kepada sebarang hak atau remedи yang diperuntukkan oleh undang-undang dan tidak menjelaskan sebarang jaminan lain yang mungkin dipegang oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank boleh melaksanakan semua atau mana-mana hak atau remedи yang ada termasuk melaksanakannya secara serentak..

#### **PERISTIWA TAMBAHAN KEMUNGKIRAN**

15. Sebarang keadaan di bawah yang berlaku akan dikira sebagai peristiwa tambahan kemungkirian:-
  - a. mengikut pendapat munasabah Bank, kepentingan Bank terhadap Jaminan Deposit berada dalam keadaan berisiko;
  - b. pengaturan jaminan,
    - i. tidak lagi ber kuatkuasa sepenuhnya;
    - ii. dikira dicabar, ditamatkan atau tidak sah;
    - iii. tidak boleh dikuatkuasakan;
  - c. Jaminan Deposit dilucuthakkan; atau
  - d. kegagalan Pelanggan untuk menyediakan jaminan tambahan mengikut klaus 4 di atas.

**Syarat Tambahan  
PF – GOLD  
Butiran Jaminan Deposit**

Item	Perkara	Penerangan
1.	Jenis emas / barang emas	
2.	Ketulenan / Kehalusinan dan Berat	Ketulenan / Kehalusinan:  Berat:
3.	Nilai & Tarikh Penilaian	Nilai: RM  Tarikh Penilaian: